

LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN

Chu Kett Vui (OKS) telah dituduh di Mahkamah Majistret Sandakan, Sabah bagi satu pertuduhan di bawah Peraturan 97(1)(b), Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 atas kesalahan menjual kelengkapan voltan rendah yang tidak diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga secara langsung kepada orang awam, iaitu kabel pendawaian elektrik jenama Blitz pelbagai warna yang berukuran 1.5mm² sehingga 16mm² sebanyak 367 unit. Pada 20 September 2024, OKS telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan dan Mahkamah Majistret Sandakan telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM3,500.00 jika gagal bayar, 3 bulan penjara. OKS telah membayar denda tersebut.